

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DR. KELVIN YII LEE WUEN (BANDAR KUCHING)**

**SOALAN : NO. 221**

**DR. KELVIN YII LEE WUEN [Bandar Kuching]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci bagaimana peruntukan di Kawasan Parlimen Bandar Kuching digunakan semenjak GE13. Senaraikan secara terperinci dari segi jenis projek serta jumlah yang dibagikan, tarikh serta status projek tersebut.

**JAWAPAN: YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK  
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 10 Mac 2019, sebanyak 27 projek pembangunan Rancangan Malaysia Lima Tahun telah dilulus dan dilaksanakan di Parlimen Bandar Kuching semenjak GE13 dengan kos keseluruhan sebanyak RM1,135.51 juta melibatkan projek-projek fizikal binaan dan infrastruktur, pembinaan pelabuhan dan jeti, pengairan dan saliran, pembinaan jalan raya, pembelian dan kelengkapan serta latihan dan pemindahan teknologi. Daripada 27 projek tersebut, 15 projek telah disiapkan, enam projek dalam pelaksanaan manakala enam dalam fasa pra-pelaksanaan.

Sekian, terima kasih.